

**PANDUAN PELAKSANAAN KAEDAH PENERBITAN UNTUK PROGRAM  
DOKTOR FALSAFAH MOD PENYELIDIKAN**

**KANDUNGAN**

1. PENGENALAN
2. DEFINISI
3. PANDUAN PELAKSANAAN
  - 3.1. SYARAT KEMASUKAN
  - 3.2. LAIN-LAIN SYARAT
  - 3.3. STRUKTUR PROGRAM DAN PENILAIAN
  - 3.4. PENILAIAN KERTAS KERJA KONSEP
  - 3.5. PERATURAN VISA DAN IMIGRESEN
  - 3.6. KELAYAKAN DAN LANTIKAN PENYELIA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN
  - 3.7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB FAKULTI
  - 3.8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA UTAMA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN
  - 3.9. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR
  - 3.10. PENUKARAN KAEDAH PENGAJIAN
  - 3.11. PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN
4. URUSAN PENYELIDIKAN
5. PEPERIKSAAN
6. SYARAT PENGANUGERAHAN

## 1. PENGENALAN

- 1.1. Dokumen ini adalah sebagai panduan pelaksanaan Kaedah Penerbitan Retrospektif Doktor Falsafah Penyelidikan di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).
- 1.2. Dokumen ini juga menerangkan peranan dan tanggungjawab pelajar, penyelia, Fakulti, dan Jabatan di UMPSA yang terlibat dalam Kaedah Penerbitan.
- 1.3. Tempoh pengajian Doktor Falsafah kaedah Penerbitan ialah enam (6) bulan hingga 1 (satu) tahun untuk sepenuh masa manakala satu (1) hingga 2 (dua) tahun untuk separuh masa.
- 1.4. Kaedah ini terbuka untuk pelajar tempatan secara sepenuh dan separuh masa dan antarabangsa secara sepenuh masa sahaja. Namun begitu, bagi pelajar antarabangsa, tempoh minimum yang dibenarkan untuk kaedah ini adalah selama 1 tahun.
- 1.5. Kaedah ini juga terbuka kepada calon pelajar dalam bidang dan tanpa kelayakan dalam bidang. Calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang tidak perlu lulus kursus prasyarat sebelum memulakan pengajian.
- 1.6. Fakulti/ Pusat mempunyai autonomi untuk menetapkan kualiti penerbitan yang boleh didefinisikan sebagai berimpak tinggi dan kategori jurnal penyelidikan yang mempunyai kualiti yang tinggi sebagai kriteria asas semasa sesi penilaian dalaman yang rapi.

## 2. DEFINISI

### 2.1. Kaedah Penerbitan Retrospektif

Kaedah pengajian yang menggunakan sekurang-kurangnya lima (5) penerbitan jurnal penyelidikan yang tersenarai dalam jurnal berindeks berimpak tinggi (SCOPUS/WOS/ERA) dalam tempoh tidak melebihi sepuluh tahun sebelum permohonan sebagai syarat kemasukan calon pelajar.

### 2.2. Kertas Kerja Konsep (*Conceptual Defense*)

Satu sesi penilaian lisan di mana pelajar dikehendaki membentangkan skop penyelidikan kepada Panel Pemeriksa. Ia bertujuan untuk melihat kepentingan kesesuaian/ *significance* skop penyelidikan yang

dibentuk daripada gabungan sekurang-kurangnya lima (5) jurnal yang berimpak tinggi yang telah diterbitkan dalam tempoh tidak melebihi sepuluh tahun sebelum permohonan.

### 2.3. **Kursus Metodologi Penyelidikan Berstruktur**

Kursus Metodologi Penyelidikan yang telah dipecahkan kepada tiga (3) kursus individu yang disampaikan secara berstruktur pada semester-semester yang tertentu.

## 3. **PANDUAN PELAKSANAAN**

### 3.1. **SYARAT KEMASUKAN**

- 3.1.1. Calon pelajar mesti memenuhi syarat kelayakan masuk seperti yang tertera dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.
- 3.1.2. Calon pelajar perlu mengemukakan sekurang-kurangnya lima (5) penerbitan jurnal penyelidikan yang tersenarai dalam jurnal berindeks berimpak tinggi (*SCOPUS/WOS/ERA*) dalam tempoh tidak melebihi sepuluh tahun sebelum permohonan sebagai syarat kemasukan calon pelajar untuk kaedah ini. Jurnal-jurnal ini mestilah berkait antara satu sama lain dan diterbitkan dalam bidang yang sama.
- 3.1.3. Bagi lima (5) penerbitan tersebut, calon pelajar mestilah merupakan pengarang utama (*First Author*) dan sumbangan setiap pengarang bersama dinyatakan dengan jelas dalam penerbitan tersebut.
- 3.1.4. Jurnal penyelidikan boleh disetarakan dengan jurnal ulasan, monograf, buku, bab berkaitan dengan penyelidikan, penerbitan elektronik, karya kreatif, artifak yang berkualiti tinggi yang tidak pernah digunakan untuk mana-mana penganugerahan akademik.
- 3.1.5. Permohonan pelajar perlu mendapat kelulusan Senat sebelum pendaftaran melalui syor yang dikeluarkan oleh jawatankuasa penilaian dalaman rapi.
- 3.1.6. Calon pelajar perlu mematuhi semua syarat kelayakan kemasukan yang berkaitan seperti yang tertera dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini selain daripada syarat tambahan penerbitan yang telah ditetapkan.

### 3.2. **LAIN-LAIN SYARAT**

- 3.2.1. Pelajar perlu lulus tiga (3) kursus Metodologi Penyelidikan Berstruktur seperti yang dicadangkan oleh Penyelia Utama sebagai syarat penganugerahan.

3.2.2. Bagi permohonan pelajar dengan penerbitan yang berbeza dengan bidang kelayakan terakhir iaitu Sarjana, calon pelajar tidak perlu untuk mengambil kursus prasyarat seperti kaedah-kaedah selain daripada kaedah Penerbitan.

### 3.3. STRUKTUR PROGRAM DAN PENILAIAN

3.3.1. Semua pelajar Doktor Falsafah kaedah Penerbitan sepenuh masa diwajibkan mendaftar dan lulus semua penilaian dalam struktur program tempoh 6 bulan seperti Jadual 1 dan tempoh satu tahun seperti Jadual 2.

3.3.2. Bagi pelajar Doktor Falsafah separuh masa, pelajar diwajibkan mendaftar dan lulus semua penilaian mengikut ketetapan dan prasyarat penilaian dalam tempoh pengajian pelajar separuh masa.

3.3.3. Keputusan penilaian adalah mengikut sistem gred seperti yang dinyatakan dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

**Jadual 1 :**

**Cadangan Struktur Program dan Kod Penilaian Program Doktor Falsafah Kaedah Penerbitan bagi Tempoh Pengajian 6 Bulan.**

<b>SEMESTER</b>	<b>KOD SARJANA</b>	<b>COURSE / ASSESSMENT NAME</b>	<b>GRED/STATUS</b>	<b>PRASYARAT</b>
1	<i>PID1100</i>	<i>Conceptual Defense</i>	<i>HL/TS</i>	
	<i>PIC1300</i>	<i>Colloqium/ Seminar</i>	<i>HL/TS</i>	
	<i>PIR1201</i>	<i>Research Problem Formulation</i>	<i>HL/TS</i>	
	<i>PIR2201</i>	<i>Thesis Writing</i>	<i>HL/TS</i>	
	<i>PIR3201</i>	<i>Thesis Correction and Viva Voce Preparation</i>	<i>HL/TS</i>	
	<i>PID2500</i>	<i>Pre-Examination</i>	<i>HL/TS</i>	<i>PID1100, PIC1300</i>
	<i>PID3600</i>	<i>Final Examination</i>	<i>LULUS/GAGAL</i>	<i>PID2500</i>
	<i>PIP1100</i>	<i>Progress Report 1</i>	<i>MM/TM</i>	

*\*Pelajar wajib mendaftar PIP1\*00 Laporan Kemajuan X pada setiap semester kecuali setelah menghantar draf tesis bagi tujuan PID3600 Final Examination*

**Jadual 2 :**  
**Cadangan Struktur Program dan Kod Penilaian Program Doktor Falsafah Kaedah Penerbitan bagi Tempoh Pengajian 1 Tahun.**

<b>SEMESTER</b>	<b>KOD DOKTOR FALSAFAH</b>	<b>COURSE / ASSESSMENT NAME</b>	<b>GRED/STATUS</b>	<b>PRASYARAT</b>
1	<i>PID1100</i>	<i>Conceptual Defense</i>	<i>HL/TS</i>	
	<i>PIC1300</i>	<i>Colloquium/ Seminar</i>	<i>HL/TS</i>	
	<i>PIR1201</i>	<i>Research Problem Formulation</i>	<i>HL/TS</i>	
	<i>PIR2201</i>	<i>Thesis Writing</i>	<i>HL/TS</i>	
	<i>PIP1100</i>	<i>Progress Report 1</i>	<i>MM/TM</i>	
2	<i>PIR3201</i>	<i>Thesis Correction and Viva Voce Preparation</i>	<i>HL/TS</i>	
	<i>PID2500</i>	<i>Pre-Examination</i>	<i>HL/TS</i>	<i>PID1100, PIC1300</i>
	<i>PID3600</i>	<i>Final Examination</i>	<i>LULUS/GAGAL</i>	<i>PID2500</i>
	<i>PIP1200</i>	<i>Progress Report 2</i>	<i>MM/TM</i>	

*\*Pelajar wajib mendaftar PIP1\*00 Laporan Kemajuan X pada setiap semester kecuali setelah menghantar draf tesis bagi tujuan PID3600 Final Examination.*

#### 3.4. PENILAIAN KERTAS KERJA KONSEP

3.4.1. Penilaian Kertas Kerja Konsep perlu berlaku pada semester pertama pengajian.

3.4.2. Jawatankuasa Penilaian Kertas Kerja Konsep perlu dianggotai oleh:

- a. Profesor yang berlainan bidang dari Fakulti/ Pusat yang berbeza sebagai Pengerusi
- b. Penyelia Utama
- c. Dua (2) pakar dalaman yang diluluskan oleh Fakulti yang merupakan pakar dalam bidang penyelidikan yang berkaitan.
- d. Sekretariat

### **3.5. PERATURAN VISA DAN IMIGRESEN**

3.5.1. Pelajar antarabangsa bertanggungjawab sepenuhnya dalam memenuhi peraturan visa dan imigresen yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.

### **3.6. KELAYAKAN DAN LANTIKAN PENYELIA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN**

3.6.1. Lantikan Penyelia Utama/ Penyelia Bersama Dalam/ Penyelia Bersama Luar/ Penyelia Lapangan adalah berdasarkan kelayakan dan syarat lantikan seperti yang tertera di dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah yang terkini dan bergantung kepada kelulusan Fakulti.

### **3.7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB FAKULTI**

3.7.1. Fakulti perlu memastikan kemajuan penyelidikan pelajar dihantar pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.

3.7.2. Fakulti perlu memastikan pelajar yang ingin melengkapkan pengajian dalam tempoh enam (6) bulan, pelajar menghantar notis penghantaran tesis selewat-lewatnya pada minggu ke empat (4) semester pertama.

3.7.3. Bagi tempoh pengajian 6 bulan, Fakulti perlu memastikan pelajar melalui Penilaian Kertas Kerja Konsep (*Conceptual Defense*) dalam minggu pertama (1) hingga minggu ke empat (4) semester pertama pengajian. Bagi pelajar yang mempunyai tempoh pengajian setahun, pelajar perlu lulus penilaian Kertas Kerja Konsep pada semester pertama.

### **3.8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA UTAMA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN**

3.8.1. Penyelia Utama bertanggungjawab dalam memastikan pelajar lulus tiga (3) Kursus Metodologi Penyelidikan Berstruktur.

3.8.2. Penyelia Utama bertanggungjawab dalam membimbing pelajar dalam memilih atau menyusun jurnal-jurnal penyelidikan yang telah diterbitkan dalam bentuk tesis yang selaras dengan bidang pengkhususan atau kepakaran pada tahap Doktor Falsafah.

3.8.3. Penyelia Utama perlu memastikan kemajuan penyelidikan pelajar dinilai pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.

### **3.9. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR**

- 3.9.1. Pelajar perlu lulus tiga (3) Kursus Metodologi Penyelidikan Berstruktur.
- 3.9.2. Pelajar perlu melengkapkan dan lulus semua penilaian seperti di Jadual 1 bagi tempoh 6 bulan manakala Jadual 2 bagi tempoh satu tahun.
- 3.9.3. Fakulti perlu memastikan pelajar yang ingin melengkapkan pengajian dalam tempoh enam (6) bulan, pelajar menghantar notis penghantaran tesis selewat-lewatnya pada minggu ke empat (4) semester pertama. Bagi tempoh satu tahun pula, pelajar boleh menghantar pada bulan ke-enam pengajian.
- 3.9.4. Bagi pengajian dalam tempoh 6 bulan, pelajar perlu melalui Penilaian Kertas Kerja Konsep dalam Pelajar perlu lulus penilaian Kertas Kerja Konsep dalam minggu pertama (1) hingga minggu ke empat (4) semester pertama pengajian.
- 3.9.5. Pelajar perlu mengisi kemajuan penyelidikan pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.
- 3.9.6. Pelajar tertakluk kepada semua peraturan universiti dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) sepanjang tempoh pengajian.

### **3.10. PERTUKARAN KAEDAH PENGAJIAN**

- 3.10.1 Pertukaran kaedah pengajian tidak dibenarkan untuk pelajar Kaedah Penerbitan. Pelajar perlu mendaftar semula sekiranya ingin meneruskan pengajian dalam Kaedah Konvensional.

### **3.11. PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN**

- 3.11.1 Perlanjutan tempoh pengajian dibenarkan sehingga tempoh maksimum dua (2) tahun sahaja

## **4. URUSAN PENYELIDIKAN**

- 4.1. Tesis pelajar perlu mempunyai elemen-elemen seperti berikut:
  - 4.1.1. Senarai semua jurnal yang telah diterbitkan
  - 4.1.2. Pengakuan Pengarang Bersama (*Co-Author*) dan pengesahan keaslian penerbitan. Setiap jurnal yang diterbitkan mesti bermula dengan pernyataan yang jelas tentang sumbangan yang dibuat oleh setiap pengarang dalam penerbitan bersama.
  - 4.1.3. Ringkasan penemuan/ hasil/ nilai utama setiap jurnal yang diterbitkan. Ringkasan ini perlu menjelaskan cara kerja yang telah disepadukan ke dalam satu rangka kerja intelektual yang selari. Rangka kerja ini perlu menunjukkan penggabungan pengetahuan dan kemahiran lanjutan termasuk sumbangan baharu dalam bidang atau amalan yang berkaitan.
  - 4.1.4. Bab pengenalan, kajian literatur, metodologi penyelidikan, perbincangan dan kesimpulan.

**5. PEPERIKSAAN**

- 5.1. Semua proses dan syarat lulus peperiksaan perlu dipenuhi seperti yang tercatat di dalam edisi terkini Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA.

**6. SYARAT PENGANUGERAHAN**

- 6.1. Pelajar perlu memenuhi semua syarat penganugerahan universiti seperti di Jadual 1 atau 2 (mana-mana yang berkaitan)
- 6.2. Telah menjelaskan segala bayaran yuran yang telah ditetapkan.
- 6.3. Maklumat lanjut berkaitan penganugerahan juga boleh rujuk buku edisi terkini Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA.